


MODUL AKHLAK 2

Pra Diploma Pengajian Islam (PPI)

Pengenalan Modul

- Menerangkan tentang akhlak yang sepatutnya dimiliki oleh setiap Muslim
- Memberikan kefahaman serta mengubah kehidupan manusia menjadi makhluk yang lebih beradab.

Silibus Pengajian



Silibus Pengajian



MINGGU 1

MENSUCIKAN JIWA

Kandungan

- ▣ Penciptaan alam
- ▣ Penciptaan manusia
- ▣ Mendidik dan mensucikan manusia
- ▣ Pembahagian hati menurut al-Quran
- ▣ Pembahagian hati menurut al-Hadis
- ▣ Jenis-jenis hati

Objektif

Di akhir sesi, pelajar dapat:

- Menjelaskan dua unsur penciptaan manusia
- Menerangkan tiga keutamaan mensucikan jiwa

Penciptaan Alam



Penciptaan Alam

- Lihatlah pada penciptaan alam ini.
- Lihatlah pada penciptaan langit dan bumi, malam dan siang, penciptaan manusia, haiwan dan tumbuh-tumbuhan.
- Mungkinkah alam semesta ini terjadi dengan sendirinya tanpa kuasa Allah s.w.t.?
- Adakah Allah s.w.t. menciptakan alam semesta ini tanpa tujuan?

Penciptaan Alam

Apakah tujuan Allah s.w.t. menciptakan alam semesta ini?

Penciptaan Alam

- Agar manusia bersyukur dengan limpahan nikmat Allah yang telah dikurniakan.
- Sekiranya kita cuba menghitung nikmat Allah s.w.t. terhadap hamba-hambaNya, kita tidak akan mampu melakukannya.

Penciptaan Alam

Allah s.w.t. berfirman:

“Allah jualah yang menciptakan langit dan bumi dan menurunkan hujan dari langit lalu mengeluarkan dengan air hujan itu buah-buahan untuk menjadi makanan bagi kamu dan Dia yang memberi kemudahan kepada kamu menggunakan kapal-kapal untuk belayar di laut dengan perintahNya, juga yang memudahkan sungai-sungai untuk kamu (mengambil manfaat darinya).

Penciptaan Alam

Dan Dia juga yang menjadikan matahari dan bulan sentiasa beredar, untuk kepentingan kemudahan kamu dan yang menjadikan malam dan siang bagi faedah hidup kamu.

Dan Dia telah memberi kepada kamu sebahagian dari tiap-tiap apa jua yang kamu hajati dan jika kamu menghitung nikmat Allah nescaya lemahlah kamu menentukan bilangannya...” Ibrahim: 32 - 34

Penciptaan Alam

- Allah menciptakan cakerawala iaitu langit dan seluruh isinya termasuk matahari, bulan dan bintang.
- Kesemuanya beredar sesuai dengan kehendak Allah.
- Dengan ini, terciptalah malam dan siang bagi manfaat kehidupan manusia.
- Siang, kita bekerja dan berusaha dan malam, kita beristirahat.

Penciptaan Alam

- Segala penciptaan alam serta sistemnya yang teratur ini tidak diciptakan dengan sia-sia belaka.
- Malah, ia menunjukkan kepada kewujudan dan kekuasaan Allah.
- Allah mencipta benda dari yang paling kecil kepada yang paling besar dan mentadbir kesemuanya dalam satu masa.

Penciptaan Manusia



Penciptaan Manusia

- Allah s.w.t. mencipta manusia dengan penciptaan yang amat sempurna iaitu dari setitik air mani, kemudian segumpal darah, kemudian segumpal daging, kemudian dijadikan tulang-belulang yang dibungkus dengan daging dan ditiupkan ruh ke dalamnya.
- Surah al-Mukminun: 14
- Surah al-Sajdah: 8 - 9

Hati perlu dibersihkan untuk membantu Jiwa ke jalan yang benar

وَنَفْسٍ وَمَا سَوَّاهَا (٧) فَأَلْهَمَهَا فُجُورَهَا وَتَقْوَاهَا
(٨) قَدْ أَفْلَحَ مَنْ زَكَّاهَا (٩) وَقَدْ خَابَ مَنْ
دَسَّاهَا (١٠)

“Demi diri manusia dan yang menyempurnakan kejadiannya (dengan kelengkapan yang sesuai dengan keadaannya); Maka diilhamkanNya (untuk mengenal) jalan yang membawanya kepada kejahatan, dan yang membawanya kepada bertaqwa; Sesungguhnya berjayalah orang yang menjadikan dirinya - yang sedia bersih - bertambah-tambah bersih (dengan iman dan amal kebajikan), Dan sesungguhnya hampalah orang yang menjadikan dirinya - yang sedia bersih - itu susut dan terbenam kebersihannya (dengan sebab kekotoran maksiat)”.

Solat dan masjid mengukuhkan Hati

- Untuk istiqamah di jalan Allah perlu mendekatkan diri ke pintu istiqamah iaitu melalui mihrab (masjid).
- Setiap Muslim sewajarnya memulai aktiviti Hidupnya berinteraksi dengan Islam melalui masjid.
- Hakikat masjid – tempat menyatukan pemikiran yang suci, mendatangnya bersih dengan wudhuk, bersih tubuh badan, dada yang lapang dan hati yang bersih
- Mengikat diri dengan tempat yang mendapat naungan di padang mahsyar

مَنْ تَطَهَّرَ فِي بَيْتِهِ ثُمَّ مَشَى إِلَى بَيْتٍ مِنْ بُيُوتِ اللَّهِ لِيَقْضِيَ
فَرِيضَةً مِنْ فَرَائِضِ اللَّهِ كَانَتْ خَطْوَتَاهُ إِحْدَاهُمَا تَحُطُّ خَطِيئَةً
وَالْأُخْرَى تَرْفَعُ دَرَجَةً

- “Barangsiapa yang bersuci di rumahnya kemudian berjalan menuju salah satu rumah Allah dan menunaikan salah satu solat fardu yang difardhukan Allah maka salah satu dari langkahnya mengugurkan dosanya dan langkah lainnya meninggikan darjatnya”

Riwayat Muslim

مَنْ أَدَامَ الْإِخْتِلَافَ إِلَى الْمَسْجِدِ أَصَابَ ثَمَانِي خِصَالٍ: آيَةٌ مُحْكَمَةٌ وَأَخًا
مُسْتَفَادًا وَعِلْمًا مُسْتَطَرَفًا وَرَحْمَةً مُنْتَظَرَةً وَكَلِمَةً تَدُلُّهُ عَلَى هُدًى أَوْ تَرُدُّهُ
عَنْ رَدًى وَتُرِكَ الذُّنُوبُ حَيَاءً أَوْ خَشْيَةً

al-Hasan bin 'Ali bin Abi Talib r.a. telah berkata:

- “Sesiapa yang sentiasa mendatangi masjid, dia akan mendapat **lapan** sifat: **Tanda** yang meyakinkan, saudara yang berguna, **ilmu** yang dimiliki, **rahmat** yang menanti, kalimah yang menunjukkan kepada petunjuk atau kalimah yang menghalangnya daripada kemusnahan, menjauhi **dosa** kerana malu atau menjauhi dosa kerana takut.”

Pembahagian hati menurut al-Qurán

- Hati yang disinari Cahaya- Hati ialah tempat masuknya taufiq dan hidayat Allah
- Hati yang tertutup atau terkunci
- Hati yang terbalik –*Qalb*
- Hati yang ada Dua unsur
- Yang menzalimi diri sendiri
- Yang melaksanakan perintah Allah s.w.t.

Mendidik Dan Mensucikan Jiwa

- Bagaimana kita mensucikan diri?